

MAQASID AS-SYARIAH DALAM INDEKS SYARIAH MALAYSIA

Zamri Bin Zainal Abidin
Calon Sarjana Syariah Dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
Email: Abunafisah@Gmail.Com

Rosli Bin Mokhtar
Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: Rosli@kuis.edu.my

Dr Fakhri Bin Sungit
Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: fakhri@kuis.edu.my

ABSTRAK

Syariah Islam dimaktubkan oleh Allah s.w.t. sarat dengan maksud yang luas untuk menjamin masalah dan mencegah mafsadah ke atas manusia. Pengetahuan tentang Maqasid As-Syariah amat penting untuk membantu manusia khususnya umat Islam mengatur urusan hidup mereka dengan seimbang. Sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa memajukan kepentingan dan keperluan rakyat yang seimbang Malaysia sentiasa memastikan pelaksanaan dan pencapaian pentadbiran awamnya memenuhi tuntutan Maqasid As-Syariah. Namun pelaksanaan pelbagai polisi selama ini tidak pernah diukur dengan suatu indikator khusus yang boleh membuktikan pencapaian tepat pada sasarannya. Pelancaran Indeks Syariah Malaysia pada 10 Februari 2015 oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia merupakan yang pertama seumpamanya dilangsungkan oleh sebuah kerajaan. Ia menandakan kesungguhan sebuah kerajaan mengaplikasikan sebuah model pentadbiran berasaskan Maqasid As-Syariah dan menyediakan satu mekanisme pengukur yang mampu menjadi pengimbang kepada seluruh pentadbiran kerajaan. Kertas kerja ini meninjau model Indeks Syariah Malaysia sama ada menepati keperluan Maqasid As-Syariah berdasarkan pandangan-pandangan ulama' silam dan mutakhir. Kajian perbandingan dilakukan ke atas dokumen rasmi pelancaran Indeks Syariah Malaysia yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kitab-kitab turath serta mutakhir karya para ulama' Islam.

Kata kunci: *Indeks Syariah Malaysia, Maqasid as-Syariah, pentadbiran awam, ulama' mutakhir.*

1. Pendahuluan

Maqasid As-Syariah adalah satu disiplin ilmu yang mengkaji dan memperinci objektif utama Syariah Islam iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia sejagat (Ar-Raysuni:1991) dan (Kamali:2012). Perbincangan dalam gagasan Maqasid As-Syariah merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu sosio ekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam (Umer Chapra, 2008).

Para ulama mutaqqaddimin tidak membahaskan definisi maqasid syariah secara jelas dan terperinci, biarpun secara amalannya ia telah mula sejak zaman Rasulullah s.a.w., para Khulafa' Ar-Rasyidin dan selepasnya. Malah Abu Ishaq As-Syathibi (w-1388M) yang terkenal dan dianggap sebagai pelopor ilmu maqasid pun tidak pernah memberikan definisi tertentu kepadanya. Boleh dikatakan perbahasan dari segi definisi banyak dipelopori ulama pada mutakhir. Ini tidak pula bermakna ulama dulu mengabaikan Maqasid As-Syariah di dalam hukum-hukum yang diijtihadkan oleh mereka. Penggunaan kaedah maqasid dapat dilihat dengan

jelas dalam karya-karya ulama' terdahulu. Umum berpendapat, kerja-kerja yang dilakukan oleh ulama' dahulu telah menjadi unsur penting dalam definisi-definisi yang dikemukakan oleh ulama' mutakhir.

2. Definisi dan perkembangan teori Maqasid As-Syariah

Dari sudut bahasa Maqasid As-Syariah terdiri daripada dua perkataan, *maqasid* dan *syariah*. Maqasid adalah kata jama' daripada *maqsud* (مقصود) yang bererti 'kesengajaan' atau 'tujuan'. Syariah dari aspek bahasa dikatakan sebagai (المواضع تحدر الى الماء) yang bererti 'jalan menuju sumber air'. Jalan menuju air ini dapat dikatakan sebagai jalan ke arah sumber pokok kehidupan. (Ibn Manzur, 1979).

Dalam karyanya *al-Muwafaqat*, As-Syathibi menggunakan kata yang berbeza-beza berkaitan dengan Maqasid As-Syariah. Kata-kata itu ialah *Maqasid As-Syariah*, *Al-Maqasid As-Syar'iyyah fi As-Syariah* dan *Maqasid Min Syar'i Al-Hukm*. Menurut al-Syathibi sebagaimana yang dipetik daripada ungapannya sendiri;

هذه الشريعة... وضعت لتحقيق مقاصد الشارع في قيام مصالحهم في الدين والدنيا معا
"Sesungguhnya syariat itu bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat."

Dalam ungkapan yang lain dikatakan oleh As-Syathibi;

الأحكام مشروعة لمصالح العباد
"Hukum-hukum disyariatkan untuk kemaslahatan hamba." (As-Syathibi:1920)

Terdapat pelbagai definisi lain yang telah dilontarkan oleh ulama' usul fiqh tentang istilah maqasid. Ibn Asyur mendefinisikan maqasid sebagai "Segala pengertian yang dapat dilihat pada hukum-hukum yang disyariatkan pada keseluruhannya atau sebahagian besarnya." (Al-Misawi:2001) Al-Qadi I'yad mendefinisikan maqasid sebagai "mengelakkan kemudharatan". Katanya, "berhukum untuk mengelakkan kemudharatan adalah wajib". Bagi Ibn Al-Arabi pula beliau menyifatkan maqasid sebagai "mengelakkan kesusahan atau masyaqqah". Kata Ibn Al-Arabi; "Tidak harus (haram) membebaskan seseorang dengan apa yang ia tidak mampu". (Al-Hasani:1995)

Ini bertepatan dengan konsep bahawa Islam itu mudah dan tidak memberi kepayahan kepada umatnya. Sesiapa mengikut Islam pasti selamat, aman dan bahagia.

Ada dalam kalangan ulama' yang menganggap maqasid ialah masalah itu sendiri, sama ada menarik masalah atau menolak mafsadah. Apa saja yang dilakukan memenuhi keperluan untuk manusia melalui kehidupan di dunia tanpa berdepan masalah atau mengurangkan masalah yang dihadapi. Al-'Izz bin Abdul Salam mengatakan, "syariat itu semuanya masalah, sama ada menolak kejahatan atau menarik kebaikan..." (Al-Hasani:1995) Hakikat itu bersesuaian dengan ketentuan syariat untuk memberi kebaikan kepada manusia. Syariat menentukan

kehidupan manusia mendapat kebaikan dan menghindar keburukan. Tentu sekali, mendapat kebaikan dan menghindar keburukan lebih-lebih lagi untuk kehidupan di akhirat. Mereka yang mengikut syariat sudah pasti mendapat balasan pahala yang membawanya ke syurga dan terhindar daripada api neraka.

Ini seperti mana yang telah dijelaskan oleh Ibn Al-Qayyim bahawa syariah itu “*berasaskan kepada hikmah-hikmah dan masalah-masalah untuk manusia sama ada di dunia atau di akhirat*”. Justeru, perubahan hukum yang berlaku berdasarkan perubahan zaman dan tempat adalah semata-mata bertujuan menjamin supaya syariah dapat mendatangkan kemaslahatan kepada manusia. (Al-Hasani:1995)

Banyak kajian, tulisan dan kupasan yang telah dijalankan untuk memperhalusi dan membuktikan gagasan teori Maqasid as-Syariah sejak ia mula-mula dicetuskan oleh ulama’ Islam silam seperti Abu Hamid Al-Ghazali (w- 1111M), ‘Izzuddin Abdus Salam (w-1262M), Abu Ishaq As-Syathibi sehingga ke era Muhammad At-Thahir ibn ‘Asyur (w- 1972M) dan ulama’ mutakhir seperti Yusuf Al-Qaradhawi, Ahmed Ar-Raysuni, Jaser ‘Audah dan lain-lain. Hampir semua ulama ushul kontemporari, termasuk Ibnu ‘Asyur, bersepakat bahwa Imam al-Syathibi adalah bapa Maqasid as-Syariah moden sekaligus sebagai peletak dasarnya. Namun itu tidak bererti bahawa sebelum beliau, ilmu maqashid tidak wujud. Imam al-Syathibi lebih tepat disebut orang pertama yang menyusunnya secara sistematik.

3. Maqasid As-Syariah secara umum

Menurut Izzuddin Ibn Abdul Salam, majoriti kemaslahatan dunia dan keburukannya diketahui dengan akal, sepertimana juga kebanyakan syariat.¹² Sebagai sebuah teori ilmu Islam, *maqasid syariah* mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam mengukur dan mempertimbangkan sesuatu perkara demi menjamin tertariknya kemaslahatan dan tertolaknya keburukan. Pertimbangan yang menjadi kayu pengukur ini semestinya berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas sebelum pendekatan teori *maslahah* digunakan. Ini untuk memastikan piawai yang dilakukan masih di dalam kerangka syariat. Teori *maqasid* ini berdasarkan urutan kekuatannya boleh dibahagi kepada tiga, iaitu *al-daruriyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyat* di samping pelengkapannya (*mukammilat*).

3.1 Al-Daruriyat

Teori *al-daruriyat* merupakan objektif yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia berdiri dengannya, jika sekiranya ia tidak ada nescaya berlakulah kepincangan hidup manusia di dunia ini dan kehilangan nikmat yang abadi serta mengalami kesiksaan di akhirat nanti. Teori *al-Daruriyat* yang asasi ini ada lima, iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Segala urusan agama dan kedudukan dibina atas masalah-maslahah ini dan hanya dengan memelihara segala urusan individu dan masyarakat berjalan dengan baik. Para ulama’ perundangan Islam telah membuat ketetapan wujudnya tertib antara lima jenis masalah-maslahah asasi tersebut, iaitu kepentingan agama diletak pada kelas pertama dan lebih utama dari kepentingan jiwa, sementara kepentingan jiwa mestilah diutamakan dari kepentingan akal, kepentingan akal mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan dan kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta.

Imam al-Ghazali menerangkan *maqasid* yang *daruri* berdasarkan urutannya :

Masalah yang lima ini memeliharanya terletak di dalam tahap dharuri. Iaitu yang paling kuat dalam masalah. Contohnya, syara' menetapkan orang kafir yang menyesatkan orang lain dibunuh, demikian juga penganut bid'ah yang mengajak orang lain kepada bid'ahnya kerana ia merosakkan agamanya kepada masyarakat. Selain itu, syarak menetapkan wajib qisas terhadap pembunuhan untuk memelihara nyawa, mewajibkan hukuman had kepada orang yang meminum arak bagi menjaga akal kerana akal itu sendi pentaklifan, mewajibkan hukuman zina bagi menjaga keturunan dan wajib mendera pembongkar kuburan dan pencuri kerana dengannya terpelihara harta yang menjadi hajat hidup manusia sedangkan mereka memerlukan.

Allah SWT telah menyatakan tentang kepentingan menjaga *masalah daruriyat* ini dalam firmanNya;

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِبْنَكَ فِي مَعْرُوفٍ ۚ فَبَايِعْنَهُنَّ وَأَسْتَعِزَّزْهُنَّ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ
رَّحِيمٌ

Wahai Nabi! Apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun dan mereka tidak akan mencuri dan mereka tidak akan berzina dan mereka tidak akan membunuh anak-anaknya dan mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah kepada Allah mengampuni dosa mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (60:12)

Islam menjaga *daruriyat* ini di dalam dua segi, pertama mewujudkan dan melengkapkannya. Yang pertama merupakan dari segi positif yang berkaitan dengan penjagaannya dari sudut wujud dan yang kedua merupakan negatif yang berkaitan dengan penjagaannya dari sudut tidak ada. Untuk merealisasikan agama, Allah telah mewajibkan pelaksanaan segala rukun Islam yang lima, dan untuk menjaga agama, Islam telah mewajibkan jihad dan mengenakan siksa ke atas mereka yang murtad. Oleh yang demikian, terpeliharalah konsep beragama dan umat Islam dari kerosakannya.

Bagi menteramkan jiwa, Islam telah mensyariatkan perkahwinan demi mengekalkan generasi manusia. Dan bagi memelihara jiwa, Allah telah mewajibkan makan dan minum dan memakai pakaian, serta mengenakan hukuman ke atas pembunuhan iaitu *qisas* atau *diat* dan *kaffarat*. Untuk mewujudkan akal yang sihat Islam mengharuskan setiap perkara yang menjamin keselamatan dan menyuburkannya dengan menimba ilmu pengetahuan. Untuk menjaga akal, Islam mengharamkan setiap perkara yang merosakkan atau melemahkan kekuatan, sep-

erti minum minuman yang boleh memabukkan dan mengambil sesuatu yang mengkhayalkan atau merosakkan akal fikiran seperti dadah dan sebagainya serta mengenakan hukuman yang berat ke atas mereka yang melakukannya.

Untuk menjaga keturunan, Islam telah mensyariatkan perkahwinan serta mengharamkan zina dan qazaf, dan mengenakan hukuman ke atas orang yang berzina dan membuat qazaf. Oleh itu terpeliharalah keturunan manusia dari perkara yang tidak diinginkan. Manakala untuk mewujudkan harta pula, Islam telah mewajibkan manusia mencari rezeki yang halal dan mensyariatkan muamalat sesama mereka seperti berjual-beli, sewa-menyewa, syarikat, memberi pinjam dan sebagainya. Untuk memeliharanya, Islam mengharamkan mencuri, mewajibkan hukuman potong tangan, mengharamkan penipuan, khianat, riba dan memakan harta orang lain secara tidak sah dan mewajibkan ganti-rugi ke atas harta yang dimusnahkan.

3.2 *Al-Hajiyat*

Teori *al-hajiyat* ialah kepentingan yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghapuskan kesempitan yang membawa kepada kesulitan dan kesukaran dengan ketiadaannya¹⁹. Manakala ketiadaannya pula tidaklah sehingga membawa kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana yang berlaku dalam teori *al-daruriyat*, tetapi ia membawa kesukaran hidup mereka.

Dari segi kronologinya pula, ia berada selepas teori *al-daruriyat*. *Maslahah-maslahah* ini boleh didapati dalam ibadat, adat, muamalat dan keseksaan. Di dalam ibadat, disyariatkan beberapa kemudahan (*rukhsah*) seperti sembahyang *qasar* dan *jama'* bagi orang yang musafir, diharuskan tidak berpuasa Ramadan bagi orang yang sakit atau musafir, menunaikan sembahyang dalam keadaan duduk bagi orang yang tidak mampu berdiri, menyapu khuf sebagai ganti basuh kaki ketika berwudhu', bermusafir dan lain-lain lagi.

Di dalam adat pula, diharuskan berburu dan bergembira dengan rezeki yang halal dalam bentuk makanan, pakaian dan tempat kediaman. Di dalam muamalat, diharuskan berbagai-bagai kontrak atau akad yang bermatlamat memenuhi keperluan manusia seperti jual-beli, sewa, ber-syarikat, memberi jaminan dan sebagainya sebagaimana disyariatkan jalan-jalan bagi melepaskan tanggungjawab melalui sistem fasakh, menamatkan perkahwinan melalui perceraian kerana hajat atau keadaan mendesak dan diberi kuasa kepada wali untuk mengahwinkan anak perempuannya yang masih kecil kerana keperluan memilih pasangan yang sekufu.

Di dalam keseksaan, Islam memberi kepada waris mangsa bunuh hak bunuh balas (*qisas*) dan bantu membantu di antara keluarga pembunuh dengan menanggung *diat* dan disyariatkan penolakan hukum hudud dengan sebab syubhat. Pentarjihan ke atas *maslahah* berlaku apabila pertembungan antara *maslahah daruriyat* dan *maslahah hajiyat*. Pada waktu ini para ulama' wajib memilih atau mentarjih yang mana satu untuk diperakui dan dilaksanakan.

Para ulama' perundangan Islam telah membuat ketetapan bahawa *maslahah al-daruriyat* mestilah diutamakan dari *maslahah hajiyat* dengan alasan bahawa *maslahah al-daruriyat*, jika tidak dilaksanakan akan membawa kecacatan hidup di dunia serta hilang nikmat di akhirat. Se-dangkan membelakangi *maslahah hajiyat* tidak menyebabkan cacat sistem hidup. Ia cuma

mengakibatkan kesusahan dan kesukaran sahaja, lantaran itulah *maslahah al-daruriyat* diutamakan.

3.3 *Al-Tahsiniyat*

Teori *al-tahsiniyat* merupakan kepentingan yang dituntut oleh maruah yang menghendaki berpegang dengan adat-adat yang baik dan budi pekerti yang mulia, jika sekiranya ia tidak ada nescaya tidak membawa kepada kepincangan sistem hidup manusia sebagaimana berlaku kepada *maslahah al-daruriyat* dan tidak pula membawa kepada kesukaran hidup mereka sebagaimana yang berlaku kepada *maslahah hajiyyat*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal.

Menurut Muhammad Said Ramadan al-Buti, *tahsiniyat* ialah mempergunakan segala perkara yang layak dan patut untuk kemuliaan akhlak, ketinggian maruah serta keindahan adat. Jika tiada perkara-perkara itu tidaklah mencacatkan kehidupan manusia sebagaimana berlaku pada *maslahah daruriyat* dan tidak juga seperti *maslahah hajiyyat*. Akan tetapi kehidupannya dibenci dan dicemuh oleh orang yang waras dan bertabiat sejahtera. Semua ini diliputi oleh bahagian kemuliaan akhlak yang boleh memperbaiki keadaan dan perjalanan hidup dengan cara yang lebih baik.

Al-Tahsiniyat menduduki tempat yang ketiga dalam dari segi hierarki keutamaan teori *maslahah* dan boleh didapati dalam ibadat, adat, muamalat dan keseksaan.

Di dalam ibadat, Islam mensyariatkan bersuci dan menutup aurat di dalam sembahyang, memakai bau-bauan semasa berada di dalam masjid dan tempat perhimpunan orang ramai dan sebagainya. Di dalam muamalat, Islam melarang berjual-beli barang-barang najis dan yang memudharatkan, jual-beli seorang ke atas jual-beli orang lain, pinangan atas pinangan orang lain. Dalam adat pula, Islam mengajar adab-adab makan dan minum, mengharamkan memakan makanan yang keji dan memudharatkan, sebagaimana Islam melarang melampaui batas dalam makan minum dan berpakaian dan sebagainya. Di dalam keseksaan Islam melarang membunuh kanak-kanak, perempuan dan paderi ketika peperangan, mewajibkan menunaikan haji bagi yang berkemampuan dan sebagainya.

Objektif syariah memantau teori-teori ini dalam rangka menilai ataupun mengukur sejauh mana sesuatu perkara itu selaras dengan tuntutan syarak. Selain daripada itu, dalam menilai sesuatu persoalan juga, beberapa aspek lain perlu diambilkira untuk mencapai objektif syariah. Ini termasuklah *maqasid al-'ammah*, *maqasid al-khassah* dan *maqasid al-juz'iyah*.

A. **Objektif Umum**

Objektif umum merujuk kepada objektif yang diambilkira oleh syariat dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum. Contohnya, (a) menarik kemanfaatan dan menolak kerosakan dan (b) memudahkan dan mengangkat kesempitan. Kedua-dua objektif ini lebih umum daripada objektif yang lain.

B. **Objektif Khusus**

Objektif khusus adalah objektif yang diambilkira oleh syariat dalam menentukan sesuatu atau beberapa kelompok hukum tertentu atau dalam bab-bab kecil yang serupa. Seperti objektif dalam ibadat, objektif muamalat dan objektif jinayat. Contohnya,

- i. Objektif *syari'* dalam hukum kekeluargaan.
- ii. Objektif *syari'* dalam urusan kehartaan.
- iii. Objektif *syari'* dalam urusan muamalah.
- iv. Objektif *syari'* dalam hukuman dan persaksian dan sebagainya.

C. Objektif Terbitan

Objektif serpihan adalah objektif yang diambilkira oleh syariat dalam menentukan sesuatu hukum tertentu atau apa yang dimaksudkan oleh *syari'* daripada setiap hukum *syar'i*, daripada wajib, haram, sunat, makruh, harus, syarat atau sebab. Contohnya, objektif masalah khusus di dalam wuduk atau di dalam sembahyang, jual-beli atau lainnya dalam masalah *furu'*.

4. Aplikasi Maqasid As-Syariah dalam pentadbiran negara

Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif menggunakan kajian-kajian ini untuk diaplikasikan dalam pentadbiran kerajaan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang menyeluruh dan berkesan terhadap sesuatu dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. Pada 10 Februari 2015 yang lalu kerajaan melalui salah satu agensinya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah melancarkan Model Indeks Syariah Malaysia sebagai penanda aras kepada pencapaian Maqasid As-Syariah dalam pentadbiran negara. Perdana Menteri Malaysia ketika berucap di Majlis Perdana Ulama'-Umara' 2015 dan Pelancaran Indeks Syariah Malaysia pada 10 Februari 2015 ada menyebut sebagaimana berikut, "... bagi Malaysia melakarkan satu dimensi baru berkaitan Indeks Syariah Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Indeks ini merupakan satu produk pelengkap tadbir urus Islam di Malaysia, yang boleh dianggap mempunyai nilai-nilai perintis. Dalam erti kata ia adalah menyeluruh, komprehensif dan yang pertama seumpamanya di dunia."

Model Indeks Syariah Malaysia merangkumi lapan bidang pentadbiran iaitu perundangan, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana persekitaran dan sosial. Lapan bidang ini dianggap sebagai teras penanda aras kepada pencapaian Maqasid As-Syariah dalam pentadbiran negara. Artikel ini akan cuba melihat sejauh mana model tersebut mampu mencapai tujuan-tujuan yang telah dibincangkan dalam gagasan teori Maqasid As-Syariah seperti yang dibincangkan oleh ulama' Islam silam dan kontemporari dan keperluannya sebagai penanda aras dalam pencapaian Maqasid As-Syariah.

4.1 Model Indeks Syariah Malaysia

Maqasid As-Syariah bukan hanya memfokuskan kepada kemaslahatan individu atau kumpulan kecil. Gagasan yang begitu besar ini sebaliknya mempunyai kesan yang *efficient* jika diaplikasikan sebagai salah satu indikator keberkesanan pentadbiran negara. Malaysia telah maju ke

hadapan untuk maksud tersebut dengan menjadikan Maqasid As-Syariah sebagai elemen utama Indeks Syariah Malaysia.

Semasa berlangsung *Majlis Perdana Ulama' - Umara'* dan *Anugerah Masjid Malaysia 2014* di Putrajaya pada 28 Ogos 2014, YAB Perdana Menteri telah mencetuskan idea penubuhan Indeks Syariah Malaysia yang melakarkan satu dimensi baharu berkaitan pelaksanaan Syariah di Malaysia yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini. Pelaksanaan Syariah dalam pentadbiran kerajaan sedaya upaya akan dipastikan memenuhi tujuan dan maksud pensyariaan itu sendiri. Dengan terlaksananya Indeks Syariah Malaysia sebagai penanda aras kejayaan atau kegagalan di dalam mematuhi dan memanfaatkan Syariah untuk umat Islam khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya secara tidak langsung menjadikan gagasan teori Maqasid As-Syariah begitu penting untuk diperhalusi dan difahami secara ilmiah dan praktikal.

Bidang-bidang utama yang dijadikan ukuran pematuhan model Indeks Syariah Malaysia adalah seperti berikut.

- a) Perundangan Islam
- b) Politik
- c) Ekonomi
- d) Pendidikan
- e) Kesihatan
- f) Budaya
- g) Prasarana dan persekitaran
- h) Sosial

Lapan (8) bidang utama berkenaan menjadi agenda penting untuk diukur bagi melihat tahap sebenar pematuhan pemerintah dalam mematuhi prinsip Syariah melalui pelaksanaannya di Malaysia. Pematuhan Indeks Syariah Malaysia akan dilihat pada skop yang lebih luas, mencakupi bidang-bidang yang telah dinyatakan di atas. Pengukuran yang dibuat akan melihat sejauh mana tuntutan syariah dilaksanakan secara holistik dalam pemerintahan negara.

Pengukuran ke atas lapan (8) bidang utama tersebut akan dinilai adakah ia meliputi lima perkara pokok dalam Maqasid As-Syariah yang menjurus kepada penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Tiga (3) kelompok utama yang terlibat dalam proses pengukuran Indeks Syariah melibatkan; pemerintah selaku pembuat dasar, agensi-agensi selaku pelaksana dasar dan masyarakat selaku penerima manfaat. Bagaimanakah ketiga-tiga kelompok ini diukur akan dinilai sebagaimana berikut.

a. **Pemerintah**

Pengukuran dilakukan dengan melihat sejauh mana undang-undang, dasar dan polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur mematuhi dan bertepatan dengan syariah Islam serta memenuhi kemaslahatan yang menepati lima prinsip Maqasid As-Syariah, dengan menyediakan keperluan asas yang mencukupi dalam segala aspek kehidupan demi kepentingan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik dan kepercayaan.

b. Agensi Pelaksana

Pengukuran dilakukan dengan melihat sejauh mana undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur, mampu direalisasikan dan dilaksanakan dengan jayanya berdasarkan kepentingan lima (5) prinsip Maqasid As-Syariah, di samping melihat tahap keserasian dan kesesuaian terhadap sesuatu dasar, polisi, program dan aktiviti yang diadakan mampu memberi impak terhadap keperluan masyarakat.

c. Masyarakat

Pengukuran dilakukan dengan membuat penilaian dan persepsi masyarakat terhadap undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dilaksanakan serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan, mampu menjamin kesejahteraan hidup, keharmonian dan ketenteraman dalam kehidupan sama ada secara individu mahupun kolektif berdasarkan kepentingan lima (5) prinsip Maqasid Syariah.

Asas-asas utama dalam pembinaan Indeks Syariah Malaysia ini ialah,

- a. Memaju, menyubur dan memperkasakan Islam sebagai Agama Persekutuan.
- b. Mewujudkan sebuah indikator komprehensif dan saintifik bagi menilai komitmen serta tahap keseriusan usaha dan bukannya semata-mata tahap pencapaian dalam menterjemahkan prinsip dan nilai Islam.
- c. Menggubal indeks untuk mengukur tahap keseriusan dalam mengimarahkan prinsip, nilai dan sistem Islam berdasarkan Maqasid As-Syariah dengan mencakupi komposisi sektoral yang komprehensif.
- d. Membentuk Malaysia sebagai model sebuah negara Islam yang membangun dan progresif dengan bertunjangkan prinsip Maqasid As-Syariah.

Parameter umum yang menjadi teras dan faktor yang mempengaruhi pengukuran pada bidang-bidang utama dalam memenuhi Maqasid As-Syariah dirumuskan sebagai hubungan fungsi pada Indeks Syariah iaitu sebagaimana formula berikut;

f is = (sistem, pendidikan, kesungguhan politik, polisi, pemegang taruhan (stake holders), peruntukan perundangan, kepemimpinan, respons masyarakat, perancangan, prasarana, budaya, gaya hidup, pemenuhan keperluan asas, teknologi, pembinaan imej)

Senarai hubungan fungsi tersebut secara langsung akan mempengaruhi nilai Indeks Syariah yang mana ukuran indeks tersebut adalah berdasarkan parameter-parameter yang telah dikategorikan mengikut lapan (8) bidang utama. Terdapat dua (2) kaedah untuk membina Indeks Syariah iaitu;

a. Penanda arasan

Kaedah penandaarasan akan menunjukkan piawaian terbaik yang bersifat ideal yang mana ia perlu diikuti oleh pihak kerajaan sekiranya ingin menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

b. Amalan terbaik

Amalan terbaik pula memperl ihatkan realiti terbaik dalam memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan berinovatif melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai-nilai yang positif dalam pentadbiran.

Oleh kerana indeks ini merupakan usaha rintis maka kaedah-kaedah ini dianggap sebagai suatu usaha terbaik buat masa ini. Ia mungkin akan diperbaiki dan diperhalusi pada masa-masa mendatang. Kaedah amalan terbaik misalnya adalah kaedah yang paling sesuai pada masa ini kerana belum ada mana-mana kajian penanda arasan yang boleh dijadikan asas perbandingan pada ketika ini. Secara asasnya, nilai-nilai indeks yang terhasil akan dipengaruhi atau tertakluk kepada parameter-parameter umum yang tersenarai yang mana indeks tersebut akan digunakan untuk mengukur prestasi pentadbiran sedia ada dan akan dijadikan asas perbandingan bagi indeks tahun-tahun berikutnya.

Perincian parameter adalah seperti berikut;

a. Peruntukan Perundangan

Perlunya peruntukan perundangan yang dapat dijadikan asas pada usaha penggiatan, pemantauan, kawalan dan pemeliharaan prinsip-prinsip Islam dalam segenap aspek kehidupan umat Islam.

b. Kesungguhan Politik

Perlunya kesungguhan dan komitmen yang berterusan dan bersifat dinamik daripada kerajaan dan agensi-agensi pelaksana dalam menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam tadbir urus *toyyib* dan menjana masalah umat sebagai agenda pembangunan holistik nasional.

c. Polisi

Perlunya polisi yang jelas untuk mempasakkan penerimaan masyarakat khususnya umat Islam bahawa pembangunan negara adalah mengikut acuan prinsip dan nilai Islam dan merupakan sebahagian agenda nasional yang utama.

d. Perancangan

Perlunya merangka perancangan sama ada secara berpusat mahupun bersifat khusus dengan mengambil kira faktor-faktor penguasaan ilmu, sikap, kemahiran, kuasa, tugas, strategi, risiko, jangka masa dan sumber bagi memastikan pelaksanaannya diurus secara cekap, berkesan dan memenuhi matlamat.

e. Sistem

Perlunya penilaian semula dan perekayasaan tahap efikasi sistem-sistem sedia ada yang berkaitan dengan pengurusan masalah umat serta bersesuaian dengan kehendak semasa dan bersifat praktikal.

f. Kepemimpinan

Perlunya usaha berterusan dalam memperkasa dan menyediakan barisan kepimpinan kerajaan dan entiti-entitinya untuk menterjemahkan kepimpinan mithali, menjaga keteguhan rohani, berkemahiran tinggi dan berfikirah murni agar berupaya mengemudi pentadbiran serta pengurusan yang berefikasi dan ikonik.

g. Pemegang Taruh

Perlunya mempertingkatkan keupayaan mengurus pemegang taruh dengan mengambil kira profil dan aspek-aspek keutamaan mereka serta mewujudkan mekanisme dan proses bermusyawarah bagi merangka strategi yang dapat memenuhi harapan pemegang taruh.

h. Pendidikan

Perlunya usaha pendedahan dan penguasaan ilmu yang holistik yang dapat menetapkan jiwa, fikrah dan akhlak tauhidik dalam diri umat Islam sehingga mampu menjadi umat yang memimpin, berilmu, berakhlak dan berkemahiran.

i. Pemenuhan Keperluan Asas

Perlunya memperkasakan usaha menyediakan keperluan asas kepada individu, keluarga dan masyarakat bagi menjamin kualiti hidup, kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kelestarian kehidupan yang sejahtera dan harmoni.

j. Prasarana

Perlunya pada usaha menyediakan prasarana yang mencukupi dan berkualiti untuk keperluan masyarakat seterusnya merangsang pertumbuhan sosio ekonomi yang dinamik dan mampan.

k. Budaya

Perlunya usaha untuk memelihara budaya masyarakat dari segi kesenian dan hiburan, pemikiran dan cara hidup yang bertepatan dengan acuan Islam dan terhindar daripada unsur-unsur yang menyalahi syariat, negatif dan memudaratkan.

l. Gaya Hidup

Perlunya pada usaha mewujudkan masyarakat beradab dan sejahtera agar melahirkan masyarakat yang bertakwa, intelektual dan berakhlak tinggi.

m. Teknologi

Perlunya usaha meningkatkan pengetahuan dan penguasaan dalam bidang teknologi elektronik mikro, telekomunikasi dan komputer yang berkaitan dengan penerimaan dan penyampaian maklumat di samping menggalakkan kebolehan inovasi dan kreativiti demi mempertingkatkan daya tahan dan daya saing masyarakat.

n. Pembinaan Imej

Perlunya usaha menerapkan budaya kerja cemerlang serta memberi penegasan dan penganjuran nilai-nilai murni dalam pentadbiran supaya mampu mengelakkan sebarang kecuaiian agar keyakinan masyarakat terhadap kerajaan sedia ada dapat ditingkatkan.

o. Respons Masyarakat

Perlunya penilaian bersifat forensik dan mendapatkan respons dari akar umbi iaitu masyarakat sebagai penerima manfaat dasar bagi menilai tahap penerimaan mereka terhadap usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan, khususnya menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Dari segi input kepada pengukuran Indeks Syariah ini telah diperincikan sebagaimana berikut;

- a) Perundangan Islam
 - i. Pemeliharaan kedudukan agama Islam
 - ii. Pemerkasaan peranan institusi Raja sebagai Ketua Agama Islam
 - iii. Perluasan bidang kuasa Mahkamah Syariah
 - iv. Pemeliharaan institusi perkahwinan dan kekeluargaan
- b) Politik
 - i. Penterjemahan gaya urus tadbir negara
 - ii. Pendekatan politik pembangunan yang bersifat holistik
 - iii. Pembinaan dan penampilan imej Islamik dan *biah* solehah
- c) Ekonomi
 - i. Pegangan harta negara
 - ii. Penjaminan ekonomi
 - iii. Percukaian
 - iv. Keadilan dan kestabilan peluang ekonomi
 - v. Penggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti ekonomi
- d) Pendidikan
 - i. Pemerkasaan sistem pendidikan Islam
 - ii. Pemerkasaan modal insan sebagai penggerak utama
 - iii. Pembentuk Muslim Profesional
 - iv. Penggiatan usaha menjadi negara sebagai hab pendidikan
 - v. Perwujudan rangkaian pemikir dan pakar
- e) Kesihatan
 - i. Pematuhan amalan kerja patuh syariah
 - ii. Penjaminan kualiti dan keberkesanan proses
 - iii. Pemberdayaan dan pengukuhan berterusan sumber struktural

- iv. Dan sumber manusia

- f) Budaya
 - i. Pemeraksanaan peranan pihak berkuasa agama bagi menegakkan
 - ii. Prinsip patuh syariah
 - iii. Pewujudan usaha mengekang unsur syirik dan nilai negatif
 - iv. Dalam kesenian dan hiburan
 - v. Pemeliharaan warisan negara

- g) Prasarana dan persekitaran
 - i. Penyediaan prasarana dan kemudahan lanskap
 - ii. Pemeliharaan alam sekitar
 - iii. Pengurusan bencana
 - iv. Pengukuhan kesedaran cintakan alam sekitar

- h) Sosial
 - i. Pewujudan persekitaran sosial yang kondusif
 - ii. Pemeraksanaan institusi perkahwinan dan keluarga
 - iii. Pemeraksanaan sistem sokongan
 - iv. Pengukuhan jati iman dan jati diri masyarakat
 - v. Pemeliharaan kebajikan umat

4.2 Hasil Pertama

Setelah hampir setahun pelancaran Indeks Syariah Malaysia, pada 28 Mac 2016 yang lalu Perdana Menteri telah membentangkan laporan pertama indeks tersebut. Berdasarkan laporan penyelidikan indeks yang dijalankan selama enam (6) bulan pada tahun 2015 oleh para penyelidik yang dilantik hasilan yang didapati adalah seperti berikut;

- a. Skor Indeks Perundangan Islam (87.9%)
Pecahan – Pembuat Dasar (95.20%), Pelaksana Dasar (78.6%) & Masyarakat (80.19%)
- b. Skor Indeks Politik (79.19%)
Pecahan – Pembuat Dasar (77.17%), Pelaksana Dasar (81.58%) & Masyarakat (80.43%)
- c. Skor Indeks Ekonomi (65.27%)
Pecahan – Pembuat Dasar (76.25%), Pelaksana Dasar (53.43%) & Masyarakat (55.98%)
- d. Skor Indeks Pendidikan (82.49%)
Pecahan – Pembuat Dasar (85.05%), Pelaksana Dasar (81.45%) & Masyarakat (76.90%)
- e. Skor Indeks Kesihatan (73.92%)
Pecahan – Pembuat Dasar (81.32%), Pelaksana Dasar (68.98%) & Masyarakat (61.64%)
- f. Skor Indeks Budaya (66.47%)

- Pecahan – Pembuat Dasar (69.86%), Pelaksana Dasar (66.29%) & Masyarakat (56.65%)
- g. Skor Indeks Prasarana dan Persekitaran (62.31%)
Pecahan – Pembuat Dasar (65.22%), Pelaksana Dasar (61.35%) & Masyarakat (55.52%)
- h. Skor Indeks Sosial (68.52%)
Pecahan – Pembuat Dasar (75.51%), Pelaksana Dasar (65.20%) & Masyarakat (54.19%)

(JAKIM:2016)

5. Model Indeks Syariah Malaysia Dari Sudut Pandang Maqasid As-Syariah

Dari sudut pandangan gagasan Maqasid As-Syariah, *hifdzud Din* (menjaga agama) yang merupakan maksud atau matlamat utama dan ia turut menjadi perkara penting dalam Indeks Syariah Malaysia. *Hifdzud Din* yang diwakili oleh sektor Perundangan Islam menjadi sektor utama dalam lapan (8) sektor yang diperkenalkan. Ibn Asyur telah memberikan penerangan yang teliti dan mendalam aspek-aspek yang perlu dititik beratkan dalam matlamat menjaga agama. Antaranya ialah pelaksanaan ibadah-ibadah teras dalam Islam seperti solat, zakat, puasa dan haji yang perlu dipermudahkan dan diperhalusi oleh pihak pemerintah.

Selain daripada itu indeks politik yang dijadikan salah satu daripada lapan teras Indeks Syariah Malaysia juga termasuk di dalam konteks *hifdzud Din*. Sekiranya kestabilan politik dijaga dan dipastikan keharmoniangannya maka agama dengan sendirinya akan terjaga kestabilannya. Pendek kata politik dan agama sentiasa selari dalam perkembangannya.

Manakala *hifdzun Nafs* dan *hifdzun Nasal* diserlahkan melalui sektor kesihatan, prasarana dan persekitaran, pendidikan dan sosial. Kesemua faktor ini merupakan penentu kepada penjagaan nyawa dan keturunan. Kesihatan sahaja tidak mencukupi sekiranya manusia tidak diberikan peluang hidup yang lebih selesa dan teratur untuk membina fizikal, mental dan spiritual yang seimbang.

Hifdzul Mal atau penjagaan harta telah diterapkan melalui sektor ekonomi dalam Indeks Syariah Malaysia. Syariah Islam turut menetapkan kaedah tersendiri membelanjakan harta seperti mewajibkan zakat kepada harta tertentu dan menggalakkan sedekah serta pemberian hadiah dalam keadaan tertentu. Kepenggunaan dalam masyarakat Islam menjadi lebih cantik jika realitinya dapat dipakejkan bersama dengan mengawal aspek pengendalian dan pengurusan kewangan – sama ada berbentuk peribadi atau keluarga – bagi mewujudkan suasana kehidupan yang menepati maksud maqasid syariah, yang bukan saja berlegar dalam skop *halal living* tetapi juga dalam ufuk kehidupan lestari.

6. Kesimpulan

Syariah adalah perintah Allah s.w.t. yang disampaikan melalui Al-Quran dan As-Sunnah untuk semua urusan hidup manusia termasuk aqidah, akhlak, fiqh ibadah, undang-undang keluarga, perdagangan dan jenayah. Maqasid Syariah pula adalah objektif utama Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk kebajikan manusia (Al-Raysuni, 1991;

Mohammad Hashim Kamali, 2012). Maqasid Syariah merangkumi seluruh aspek kehidupan iaitu sosio ekonomi serta pembangunan manusia yang mencakupi aspek pendidikan dan kekeluargaan yang mana ia adalah kerangka lengkap untuk pembangunan negara Islam (Umer Chapra, 2008).

Islam merupakan mesej Allah S.W.T kepada seluruh umat manusia di serata dunia dan di setiap zaman. Berteraskan wahyu melalui dua sumber utamanya yang muqaddas iaitu al- Quran dan al-sunnah islam tetap unggul dan bertahan sepanjang zaman semenjak dari zaman awal kemunculannya sehingga kini. Ini semua kembali kepada tabiat islam itu sendiri yang bersifat dinamik dan mempunyai objektif atau maqasid yang jelas dan bertepatan dengan hidup manusia sejagat. Penelitian deduktif dan induktif terhadap sumber-sumber syariat Islam telah mengesahkan bahawa maqasid utama Syariat Islam ialah untuk memberi kemaslahatan kepada manusia samada mencapai masalah (manfaat) tersebut atau mencegah keburukan (mudharat) daripada manusia.

Oleh itu didapati semua hukum syara' bernaung di bawah konsep jaminan masalah kepada manusia bukan sahaja di dunia malah menjangkau alam akhirat sesuai dengan kata-kata al-'Izz bin Abdu al-Salam bahawa islam itu semuanya masalah, sama ada dengan mendatangkan masalah mahupun mengelakkan mudharat (Al-'Izz bin Abdul Salam,)

Selama ini tidak ada kaedah pengukuran yang saintifik dan sistematik yang boleh memberikan penilaian dan laporan terhadap pencapaian sesebuah pentadbiran itu telah mencapai atau berusaha mencapai masalah dan mencegah mafsadah dalam sesebuah pentadbiran negara Islam. Dengan pelancaran Indeks Syariah Malaysia ini, sekurang-kurangnya telah ada suatu kaedah untuk mengetahui di mana status kita, bukan sahaja dari segi tahap patuh Syariah usaha kerajaan, dalam penggubalan dasar dan program, bahkan keseriusan kita dalam melaksanakan sesuatu yang Islamik berlandaskan piawaian sistem pentadbiran Islam.

Indeks Syariah Malaysia ini tentu sekali tidak akan bersifat statik atau pasif. Ia mesti menjadi satu lagi mercu tanda untuk membuktikan keseriusan kerajaan dalam membawa proses transformasi yang tidak terpisah daripada piawaian Islam. Sehubungan itu, beberapa langkah utama yang penting perlu ditekankan supaya pelaksanaan dan pemantauan indeks ini berjalan dengan sistematik dan lebih efektif. Antaranya ialah:

Pertama - Menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Panel Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah Malaysia yang berfungsi sebagai badan pelaksana dan pemantau indeks ini yang akan membuat pemantauan dan pengukuran indeks secara sepenuh masa. Badan ini juga akan diberi kuasa untuk menilai tahap kesungguhan, semua pihak yang terbabit dalam menjayakan agenda melaksanakan Maqasid Syariah. Panel jawatankuasa ini akan dianggotai oleh tokoh dan pakar dalam bidang dasar dan polisi, syariah, indeks dan ekonomi Islam serta wakil NGO Islam.

Kedua - Mengadakan program pencerahan dan penerangan tentang indeks ini supaya masyarakat tidak dipengaruhi dengan persepsi yang kurang tepat.

Ketiga - Memulakan kajian untuk menilai persepsi masyarakat serta tahap kepuasan mereka terhadap darjah patuh Syariah dalam dasar dan program pihak kerajaan supaya masyarakat lebih berpengetahuan tentang keseriusan usaha kerajaan;

Keempat - Mengadakan program penjanaaan idea bersama pelbagai pemegang taruh (Stakeholder), untuk memperbaiki lagi usaha kerajaan supaya usaha mencapai tahap patuh Syariah ini membawa kepada budaya amal berjemaah.

Kelima - Melaksanakan usaha yang tersusun rapi bersama kementerian-kementerian serta agensi-agensi berkaitan supaya prestasi mereka dapat dinilai sama ada menepati tuntutan Maqasid Syariah sama seperti kerajaan menyemak pencapaian Indikator Prestasi Utama atau KPI setiap kementerian dan agensi.

Adalah diharapkan dengan adanya lima tindakan susulan ini Indeks Syariah Malaysia akan benar-benar memberikan kesan yang dimaksudkan dan menjadi contoh kepada kewujudan indeks yang sama di dunia Islam sejagat.

Rujukan

- Abu Zahrah, Mummad. *Al-Milkiyyah wa Nazariyyah al-Aqd fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Ka-herah: Dar-al Fikr al-Arabi. (1967)
- Al-Ghazali, Abu Hamid. *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. (1st Ed.). Egypt: Al-Matba'ah al-Amiriyah. (1901).
- Al-Raysuni, Ahmad. *Imam al-Shatibi's Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law*. USA: International Institute of Islamic Thought, Herndon. (2006).
- Al-Raysuni, Ahmad. *Nazariyyat al-Maqasid 'ind al Imam al-Shatibi*. Rabat: Dar al-Aman. (1991)
- Al-Shatibi, Abu Ishaq *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Daral-Kutub al-'Ilmiyah. (2004).
- Atiyah, Gamal Eldin. *Nahw Taf'eel Maqasid al-Shari'ah [Towards Revitalising al-Maqasid]*. International Institute of Islamic Thought, USA:Herndon. (2008).
- Chapra, M. *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Syari'ah*, Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia: Islamic Research and Training Institute. (2008).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *FAQ Indeks Syariah Malaysia*, Putrajaya, Malaysia 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*, Putrajaya, Malaysia 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Info Ringkas Indeks Syariah Malaysia*, Putrajaya, Malaysia 2015.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Kumpulan Kertas Kerja, Wacana Eksklusif Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah*, Putrajaya, Malaysia 2016.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Monograf Indeks Syariah Malaysia Siri 1*, Putrajaya, Malaysia 2016.